

# **KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

Pengenalan  
Surat Kebenaran Provos  
Surat Penyerahan  
Sekapur Sirih  
Latar Belakang Ahli Syarikat  
Surat Perjanjian Perkongsian  
Nama dan Alamat Ahli-Ahli  
Penghargaan  
Tujuan Rancangan Perniagaan  
Sinopsis

Latar Belakang Syarikat  
Lokasi dan Kedudukan Fizikal  
Tapak Projek  
Logo Sekolah  
Logo dan Nama Sekolah

### **Pentadbiran**

Strategi Organisasi  
Matlamat Organisasi  
Carta Organisasi Perniagaan  
Sebab-sebab Memilih Carta Fungsian  
Jadual Jawatan dan Bilangan Pekerja  
Senarai Lengkap Jawatan yang Diperlukan  
Ganjaran dan Insentif yang Diterima oleh Pekerja  
Senarai Perabot dan Keengkapan Pejabat  
Jadual Imbuhan Balas Jasa atau Gaji  
Jadual Perbelanjaan Pentadbiran

### **Operasi**

Rancangan Operasi  
Yuran Sekolah  
Perjalanan Operasi  
Kemudahan Asas di Kawasan Persekitaran  
Carta Aliran Operasi  
Senarai Kelayakan dan Tugas Pekerja  
Jadual Gaji dan Caruman Pekerja  
Senarai Perabot dan Keengkapan Sekolah  
Senarai Nama Pembekal

KAPASITI PENGELUARAN SEUNIT  
PETA LOKASI TAPAK PROJEK  
PLAN SEKOLAH  
SUSUN ATUR KELAS/MAKMAL KOMPUTER  
PLAN  
JADUAL WAKTU PERSEKOLAHAN  
JADUAL WAKTU GURU  
JADUAL PERBELANJAAN OPERASI

### **PEMASARAN**

ASPEK PEMASARAN  
ANALISA PEMASARAN  
SASARAN PASARAN  
SAIZ PASARAN  
JADUAL PESAING-PESAING UTAMA  
SYER PASARAN  
PESAING  
JADUAL RAMALAN JUALAN  
STRATEGI PEMASARAN  
JADUAL PERBELANJAAN PEMASARAN

### **KEWANGAN**

RANCANGAN KEWANGAN  
JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN  
KOS PERLAKSANAAN PROJEK  
PROFORMA ALIRAN WANG TUNAI  
PROFORMA PENYATA PERDAGANGAN UNTUNG DAN RUGI  
KUNCI KIRA-KIRA  
RUMUSAN

LAMPIRAN

## SINOPSIS

Seperti yang kita sedia maklum bahawa pada masa kini permintaan bagi para pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan pembelajaran yang lebih bagus telah meluas. Mereka sedar dunia yang semakin mencabar ini memerlukan individu yang cerdik pandai dan intelektual untuk mengharungi arus kemajuan yang sedang dirasai oleh rakyat Malaysia kini.

Sekolah Menengah Sri Suria terletak di atas sebahagian Lot tanah no. 1882, Taman Desa Relau, Lebuhraya, Pulau Pinang. Kami mempunyai dua buah bangunan sekolah, sebuah pejabat dan sebuah kantin. Lokasinya terletak berhampiran dengan bandar Bayan Baru. Di sini terdapat juga kemudahan infrastruktur yang baik seperti bekalan air, elektrik, telefon dan jalanraya.

Kami dari empat orang rakan kongsi telah mencapai kata sepakat untuk membuka sekolah menengah swasta ini dengan berbekalkan modal sebanyak RM2,002,540. Sekolah ini menyediakan kemudahan pembelajaran sepenuh masa yang ianya merangkumi pelajar dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Untuk pelajar tingkatan 4, kami hanya menyediakan aliran sains tulen.

Bayaran yang dikenakan ke atas pelajar adalah sederhana dan berpatutan. Penggunaan teknologi moden turut membantu dalam melancarkan perniagaan ini. Contohnya komputer, mesin photostat dan sebagainya. Persaingan utama kami ialah Sek. Sri Inai, Han Chiang High School, Phor Tay Institution, Sek. Men. Perempuan Cina Persendirian dan Tai Chiao High School.

Kami memilih bidang perniagaan ini untuk diceburi memandangkan persaingnya yang kecil sedangkan mengikut kajian dan analisis yang kami lakukan, perniagaan ini mempunyai pasaran yang luas dan berpotensi besar untuk berkembang maju di masa hadapan. Tambahan pula ketika ini, kerajaan kita sedang memberi penekanan di dalam bidang pendidikan sebagai satu usaha untuk menuju matlamat sebuah negara maju. Maka kami rasa Sekolah Menengah Sri Suria ini akan dapat menampung jumlah pertambahan itu.

Kami telah memperuntukkan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang terkini menepati seruan dan falsafah pendidikan negara. Di samping itu, kami mempunyai guru yang mahir dalam bidang masing-masing dengan mempraktikkan kualiti kerja yang tinggi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sebagai guru yang cemerlang.

Akhir sekali rancangan kami di masa hadapan adalah untuk memperkembangkan lagi perniagaan ini supaya dapat memenuhi kehendak pelanggan dan menjadi contoh kepada bumiputera yang lain untuk maju.

## **LATAR BELAKANG SYARIKAT**

**NAMA PERNIAGAAN** : SYARIKAT SRI SURIA

**ALAMAT PERNIAGAAN** : LOT NO. 1882,  
TAMAN DESA RELAU,  
LEBUH RELAU,  
PULAU PINANG.

**ALAMAT SURAT MENYURAT** : SEPERTI DI ATAS

**NO. TELEFON** : -

**BENTUK PERNIAGAAN** : PERKONGSIAN

**KEGIATAN UTAMA** : MEMBUKA SEKOLAH MENENGAH  
SWASTA SEPENUH MASA

**TARIKH MEMULAKAN  
PERNIAGAAN** : 1 JANUARI 2000

**TARIKH PENDAFTARAN** : -

**MODAL PERMULAAN** : RM 2,002,540  
(a) RM 332,540 dari rakan kongsi  
(b) RM 1,000,000 daripada pinjaman  
berpenggal  
(c) RM 670,000 daripada pinjaman  
sewa beli

**NAMA BANK** : MALAYAN BANKING BERHAD

**JENIS AKAUN PERNIAGAAN** : AKAUN SEMASA

## **LOKASI DAN KEDUDUKAN FIZIKAL TAPAK PROJEK**

Kami dengan sebulat suara telah memilih kawasan Relau (Mukim 13) di daerah Timur Laut, Pulau Pinag. Pemilihan Lokasi ini adalah kerana:

- sistem jalinan jalanraya yang baik
- terdapat kemudahan infrastruktur seperti elektrik, telefon, air dan lain-lain.
- terdapat jalanraya utama yang memudahkan pelajar-pelajar berulang alik ke sekolah
- kemudahan pengangkutan awam (bas) yang mudah didapati.
- terletak di kawasan perumahan golongan yang berkemampuan
- terletak di kawasan bandar yang baru dimajukan.

## **BANGUNAN**

Bangunan yang kami sediakan merupakan bangunan yang berasaskan batu. Bangunan tersebut adalah dua buah bangunan dua tingkat, satu bangunan satu tingkat dan kantin. Salah satu bangunan dua tingkat itu terdiri daripada kelas-kelas. Manakala satu lagi bangunan dua tingkat itu menempatkan makmal sains, bengkel kemahiran hidup, perpustakaan, pusat sumber dan makmal komputer.

Kos untuk pembiayaan kesemua bangunan tersebut adalah sebanyak RM 966,120.

## **KEMUDAHAN ASAS**

Bentuk-bentuk kemudahan asas yang terdapat di sekitar kawasan sekolah dan di bangunan sekolah adalah seperti berikut:

- bekalan air
- bekalan elektrik
- telefon
- jalanraya berturap dan merupakan jalanraya utama
- kemudahan letak kereta